



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

TUJUH FOKUS KEUTAMAAN MOSTI BAGI NEGARA MENCAPAI KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN DALAM STI

KUALA LUMPUR, 17 Januari 2023 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang hari ini menyampaikan amanat beliau yang pertama setelah dilantik sebagai Menteri kepada Pengurusan Tertinggi dan warga kerja Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada Majlis Amanat YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Tahun 2023.

Dalam ucapan YB Tuan Chang Lih Kang telah menetapkan tujuh (7) fokus utama MOSTI pada tahun ini yang akan dilaksanakan melalui pendekatan berteraskan komuniti dan kerjasama bagi mencapai kemajuan dan kemakmuran di dalam sains, teknologi dan inovasi (STI).

Tujuh fokus tersebut melibatkan **pemajuan Model Pembangunan Sistem Pencegahan Ancaman Bencana Alam, Kesihatan dan Bekalan Makanan Negara, pembangunan Sistem Pintar untuk Komuniti Bandar-Luar Bandar Terhubung** yang melibatkan kerjasama MOSTI dengan Kementerian berkaitan, universiti serta industri, **pelaksanaan inovasi sosial berteraskan akar umbi dan teknologi tempatan** serta **program penyelesaian cabaran industri dan Kerajaan melalui MYHackathon.**

MOSTI juga akan merencanakan **pengiktirafan kepada teknologi tempatan di dalam perolehan Kerajaan melalui Program MySTI** serta **pembangunan dan pengaplikasian teknologi termaju seperti nanoteknologi dan robotik.** Bagi memperkukuh pembangunan bakat sains dan teknologi, **Program *Upskilling for Deeptech and Futureskills*** akan dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja negara, serta Program MyTechlympics untuk memupuk minat pelajar dan

belia dalam sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Dalam ucapannya juga YB Tuan Chang Lih Kang menjelaskan akan mengambil pendekatan berteraskan 4K iaitu Komuniti, Kerjasama, Kemajuan dan Kemakmuran. Pendekatan *quadruple-helix* yang melibatkan empat (4) pihak utama iaitu Kerajaan, akademik, industri dan komuniti adalah penting demi memacu agenda STI negara.

Fokus MOSTI ini amat penting bagi memastikan kemajuan STI menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, mencipta model perniagaan dan industri baharu untuk meningkatkan daya saing serta daya tahan ekonomi.

MOSTI selaku kementerian yang menerajui agenda sains, teknologi dan inovasi Negara komited untuk menjayakan strategi di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN 2021-2030). Pelaksanaan dasar ini adalah bagi memangkin peralihan negara kepada negara maju berteknologi tinggi menjelang 2030.

Hadir sama pada Majlis Amanat Majlis Amanat YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Tahun 2023 adalah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup dan Yang Berbahagia Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI. Majlis telah diadakan secara ringkas di MRANTI Park di sini turut dihadiri oleh agensi-agensinya di bawah MOSTI dan rakan-rakan strategik industri.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

17 Januari 2023